

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan nama setiap tanah perkuburan, kolumbarium dan krematorium awam dan swasta untuk setiap kaum dan agama di Kuala Lumpur dan berapa banyak peruntukan diberikan untuk pembangunan dan operasi setiap tanah perkuburan, kolumbarium dan krematorium awam untuk setiap tahun sejak lima tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, terdapat 19 Tanah Perkuburan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) yang terdiri dari 2 Tanah Perkuburan Islam di bawah selenggaraan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan 17 Tanah Perkuburan Islam di bawah selenggaraan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Terdapat 12 tanah perkuburan pelbagai agama lain yang mana 1 Tanah Perkuburan Kristian di Cheras di bawah selenggaraan DBKL, yang lainnya diuruskan dan diselenggara oleh pihak persatuan di bawah pendaftaran *Register Of Society* (ROS). Terdapat 5 Krematorium yang beroperasi di Kuala Lumpur yang mana 1 Krematorium Awam yang diselenggara oleh DBKL di Cheras. Lagi 4 Krematorium Swasta dikendalikan oleh pihak persatuan. Terdapat 8 'Columbarium' Swasta di Kuala Lumpur yang dikendalikan oleh pihak persatuan.

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras juga, DBKL menggunakan peruntukan dalaman untuk pengoperasian Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang dan Cheras, Tanah Perkuburan Kristian Cheras dan Krematorium Awam di Cheras. Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang dan Cheras diperuntukan RM40,000 setahun untuk kerja-kerja pembersihan dan potongan rumput manakala peruntukan sebanyak RM60,000 setahun untuk kerja-kerja pembersihan dan potongan rumput di Tanah Perkuburan Kristian, Cheras.

Manakala kos operasi dan penyelenggaraan Krematorium Awam Jalan Kuari, Cheras adalah sejumlah RM8.39 juta bagi tempoh tahun 2014-2018. Semasa ini, DBKL tiada mengendalikan apa-apa juga fasiliti 'Columbarium'.

Sekian, terima kasih.